

Penang International Art Festival 2007

Rentas Sempadan
International Print Exhibition

Balai Seni Lukis Pulau Pinang
3 - 31 July 2007

**Rentas Sempadan/ Border Crossing
An International Print Exhibition**

Published by

Penang State Museum & Art Gallery

Ground Floor, Dewan Sri Pinang
Light Street, 10200 Penang, Malaysia
Tel/Fax 604-261 3144
Email: muzium@po.jaring.my

Curator

A.Rahman Mohamed

Copyright © 2007 Penang State Museum & Art Gallery

No part of this publication may be reproduced or transmitted or published in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the copyright owner



Kata Aluan Pengerusi Balai Seni Lukis Pulau Pinang

Lembaga Muzium dan Balai Seni Lukis Pulau Pinang dengan kerjasama Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Pulau Pinang dengan bangganya mempersembahkan Pameran Rentas Sempadan yang merupakan pameran seni cetak antarabangsa dalam siri Penang International Art Festival 2007.

Sesuai dengan semangat Tahun Melawat Malaysia 2007, satu pameran yang bercorak antarabangsa begini diharap dapat memperkenalkan Pulau Pinang di mata dunia. Saya difahamkan seramai 59 pelukis dari dua puluh buah negara mengambil bahagian dalam pameran ini. Setidak-tidaknya pelukis-pelukis ini akan sedar bahawa karya mereka kini dipamerkan di sebuah negeri yang bernama Pulau Pinang di Malaysia. Kalau tidak sempat melawat Malaysia pun, tentulah mereka akan mula melayari internet untuk mengetahui serba sedikit tentang negeri ini.

Bagi penduduk-penduduk Pulau Pinang pula, pameran ini merupakan kesempatan bagi mereka untuk menjelajah ke seluruh pelusuk dunia dengan menikmati karya-karya yang didatangkan dari 20 buah negara ini.

Bagi pencinta seni khususnya, inilah peluang untuk menatap 90 buah karya seni cetak yang bukan sahaja pelbagai dari segi bahan dan tekniknyalah juga mempamerkan inspirasi, pemikiran dan pengolahan idea yang beragam. Ini tentunya berkait rapat dengan budaya dan persekitaran dari negara mana datangnya karya-karya tersebut.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua pelukis yang terlibat dalam pameran yang hebat ini.

Dato' Tang Hon Yin
Pengerusi Balai Seni Lukis Pulau Pinang

Seni Cetak merupakan satu medium seni visual yang amat demokratik. Sifat karya itu sendiri yang mempunyai gandaan membolehkan ianya ditunjukkan dan dipamerkan di beberapa tempat dalam satu masa yang serentak. Begitu juga dengan sifat mudalihnya memungkinkan karya itu dihantar dan bergerak dari satu destinasi ke destinasi lain yang biasanya merentasi berbagai sempadan geografi. Sifat sebegini menjadikan seni cetak ini satu medium yang boleh dan telah menjalinkan satu komunikasi di peringkat antara bangsa.

Ini memang sepadanan dan kembali semula kepada asal usul ciptaan cetakan itu sendiri yang merupakan satu usaha untuk memerdekakan komunikasi visual supaya ia boleh dikecapi oleh masyarakat massa. Inovasi cetakan serta pembuatan kertas di negeri China sekitar kurun ke 6 dan kemudiannya perkembangan cetakan di Eropah dalam abad ke 15 semuanya telah menyebabkan satu revolusi. Bahan bercetak banyak diterbitkan, mudah diagih dan diedar seluas-luasnya ke seluruh pelusuk dunia.

Rentas Sempadan meghidangan sejumlah 90 karya oleh 58 seniman dari 20 buah negara. Pameran ini menghimpunkan sejumlah karya yang besar bilangannya serta diwakili oleh seniman dari segenap penjuru dunia. Secara lahiriahnya karya-karya yang dapat ditonton dalam pameran ini sememangnya telah menepati tema atau tajuk pameran kali ini " Rentas Sempadan". Kesemua karya yang terpamer kali ini telah menempuhi dan melampaui batas sempadan geografi. Kebanyakan karya dari luar negara telah didatangkan ke sini sama ada melalui pos atau perkhidmatan kurier yang pastinya telah merentasi sempadan. Manakala karya seniman tempatan juga bukan sahaja telah merentasi sempadan daerah dan negeri tetapi telah juga dibawa menjelajah ke pameran di luar negara termasuk International Print Exhibition yang berlangsung di Hatyai Art Gallery, Thailand baru-baru ini.

II.

Perubahan dan kemajuan dalam teknologi cetakan sentiasa memberi inspirasi dan membuatkan seniman teruja untuk melakukan cubaan dan penerokaan bahan. Secara tradisinya seniman cetak menggunakan teknologi cetak yang telah ditinggalkan oleh industri

cetakan komersial seperti cetakan kayu, gurisan asid, litografi dan letterpress, ini mungkin kerana terdapatnya limpahan alat dan bahan yang tidak lagi digunakan oleh industri. Tetapi dalam beberapa kemajuan teknologi percetakan yang mudah diperolehi seniman, penggunaannya didapati seiring dengan penemuan teknologi cetakan itu sendiri. Hal ini didapati benar bagi cetakan sutera saring pada awalnya. Kerana sifatnya yang mudah dan relatif murah, teknologi tersebut segera dimanfaatkan oleh seniman tanpa menunggu lebih lama lagi, sehinggakan dunia seni lukis sendiri yang tergamam dan teragak-agak untuk menerima hasilnya sebagai mempunyai nilai karya seni atau tidak berbanding medium terdahulu seperti gurisan (etching) dan cetakan kayu yang telah diterima dengan selesa. Awal daripada itu, tidak ketinggalan dicemburui penerimaannya sebagai karya seni adalah karya-karya yang dihasilkan dengan proses cetakan litografi. Perdebatan demi perdebatan berlaku sehinggalah hasil karya kedua-dua proses tersebut diterima sebagai karya seni.

Sejak tahun lapan puluhan pula datang lagi satu arus gelombang yang melanda teknologi percetakan komersial. Munculnya ledakan pengkomputeran dan teknologi digital. Gelombang ini benar-benar memberi kesan yang besar terhadap teknologi percetakan. Cetakan bukan lagi menjadi satu bidang yang dikawal secara eksklusif oleh pedagang khusus dalam bidang tersebut. Cetakan telah benar-benar menjadi demokratik. Sesiapa saja boleh memiliki mesin pencetak. Percetakan telah menjadi satu perkara biasa dan tidak lagi dilindungi dengan segala macam misteri. Generasi baru yang ada sekarang tidak memandang cetakan sebagai satu perkara yang asaing lagi. Walau pun pada awal ledakan komputer dan digital, ada yang menjangkakan bahawa ledakan itu akan menyebabkan terkuburnya percetakan, dunia kan menjadi dunia tanpa kertas (paperless), tetapi jangkaan tersebut meleset. Malah percetakan semakin menjadi segar dengan suntikan pengkomputeran tersebut.

Penggunaan teknologi digital bukan lagi digunakan sebagai alat membantu untuk menghasilkan imej, tetapi kini ianya telah menjadi medium penghasilan imej. Teknologi digital bukan lagi sebagai alat tetapi juga sebagai medium. Cemburu masyarakat seni terhadap teknologi digital masih tebal. Ada kalangan yang telah lama mengamalkan cara-cara tradisional terus mempertahankan bidang seni halus dari dicerobohi oleh cetakan digital, namun ada di antara mereka yang menerima kemasukan teknologi baru ini asal saja ianya digabungkan dengan medium-medium terdahulu yang telah

dapat diterima dengan selesa. Tidak kurang juga golongan yang sedia menerima cetak digital seadanya sebagai karya seni. Di mana-mana forum pun isu ini masih popular dan sering menjadi topik perbincangan.

Kelpebagaian teknik dalam seni cetak ada kalanya telah menyebabkan seniman menjadi terpisah atas kelainan medium yang diadakan. Terdapat banyak juga persatuan dan pertubuhan yang keahliannya hanya terbuka kepada pengamal satu-satu jenis atau teknik cetakan sahaja. Kalau persatuan pencetak setakan kayu, maka hanya pencetak cetakan kayu sahajalah yang boleh menganggotainya. Begitu juga dengan lain-lain medium cetakan. Tidak kurang pula pameran dan pertandingan yang terkhusus kepada satu-satu medium cetakan sahaja dengan memencilkan medium cetakan lain.

Berbeza pula dalam satu wadah yang lain, kelpelbagaian dalam medium cetakan dan keterbukaan penerimaan dalam eksperimentasi dan penerokaan berani menyeberangi garisan telah menyebabkan terhasilnya karya-karya yang terkeluar dari biasaan. Karya-karya yang sebegini agak payah untuk masukkan ke dalam agihan-agihan sempadan sempit seni cetak tradisional. Karya-karya yang bersifat merentas sempadan ini juga perlu dibawa ke satu pelantar yang lebih terbuka. Pameran ini merupakan salah satu dari pelantar tersebut.

III

Pada pameran kali ini kurator telah membuka sempadan seberapa luas yang boleh, membenarkan sempadan-sempadan direntas sesuai dengan wawasan globalisasi. Bukan sahaja dengan pembukaan sempadan negara dan geografi yang dibuktikan dengan penyertaan karya-karya dari 20 buah negara, malah yang lebih penting lagi ialah terbukanya sempadan penerimaan karya sebagai karya seni cetak. Pameran ini menghimpunkan karya-karya yang datangnya dari pelbagai teknik dan bahan. Dari teknik dan bahan yang sedia diterima sebagai karya cetakan sehinggalah karya-karya yang terhasil dari medium hybrid, juga lain-lain medium yang masih samar batasannya. Memang sudah menjadi kemestian bila membicarakan karya seni cetak, perkara yang disentuh tentunya teknik dan medium disamping hal benda yang diutarakan oleh pelukis. Rencana ini juga tidak lari dari hal yang sedemikian.

Endi Poskovic, memanfaatkan kerjatangan yang halus dan teliti melalui karya karya cetakan kayu beliau. Dengan penggunaan teknologi rendah, beliau menghasilkan karya grafik yang memukau dan tidak kurang menghiburkan. Begitu juga dengan karya cetakan kayu dengan warna berasaskan air cara Jepun oleh pelukis Haruka Furusaka menerusi karya beliau, *Intuition*. Fauzan Omar pula memanfaatkan cetakan lino berwarna dalam karya-karya dari siri *Diversity and Unity*. Begitu juga dengan karya berebagai teknik cetakan relief yang asas dan mudah telah dimanfaatkan oleh pelukis bagi menghasilkan karya-karya yang segar dan memukau. Mengketengahkan gambaran kehidupan harian suri rumah, *Wednesday Face*, karya Heli Kurunsaari menonjolkan medium cetakan kayu berwarna dengan teknik luakan.

Tentunya teknik-teknik tradisional yang telah lama diamalkan masih dianuti dan dipraktikkan oleh seniman di dalam pameran kali ini. Cetakan gurusan merupakan teknik yang amat popular dan terus oleh beberapa seniman pada kali ini. Loo Foh Sang dan Rita Marhaug masih kukuh dengan cetakan gurusan. Walaupun menggunakan teknik asas yang sama, terdapat dua pola yang berlainan antara mereka. Loo Foh Sang dalam karyanya, *Sunset Series : Festival Dance*, begitu ashyik memanipulasikan platnya dengan gurusan garis serta lapisan-lapisan tona yang terhasil dari titik-titik halus aquatint. Manakala Rita Marhaug pula menggunakan bantuan fotografi dan komputer bagi menghasilkan plat, yang kemudiannya masih dicetak dengan cetakan gurusan secara tradisional itu. Sarah Edmonds juga masih menggunakan teknik intaglio yang pelbagai pada cetakan beliau yang bertajuk *Lucerna - Beheading of St. Denis*. Beliau memanfaatkan cetakan timbul, gurusan kering dan cetakan viscosity yang dicetak di atas kertas buatan tangan. Bagi Bill Horsterman, dalam karya beliau, *Emission*, beliau menggunakan gurusan garis serta aquatint tetapi mencetak platnya dengan cara menggabungkan cetakan intaglio serta juga cetakan relief. Emily Wilson lewat karya beliau *Greed or Need*, seniman Ceresse Vudent melalui karyanya *Western Pivot*, Koichi Yamamoto dengan karya beliau *Site Untouched*, semuanya terus memanfaatkan ruang pengolahan yang luas yang diberikan oleh medium gurusan. Begitu ramai seniman dalam pameran ini yang mengambil kesempatan pada medium gurusan yang tiada batasan dan kekangan ini. Seniman-seniman Katarzyna Cepek, Lidija Antanasujevic, Oscar Jay Gillespie, Rahman Mohamed, Heather Muise, dan Saeko Furukata semuanya begitu selesa dengan karya-karya yang dihasi-

lakan dengan medium gurisan. Enrique Leal dalam karyanya *Enfoldment* memanipulasi teknik aquatint sehingga menghasilkan karya yang bersinar, seolah-olah terpancar cahaya dari dalamnya.

Seni cetak litografi berjaya memikat ramai seniman untuk mencuba dan terus menggunakannya sebagai medium ekspresi mereka. Ini adalah kerana sifat medium tersebut yang begitu hampir dengan medium-medium tradisional yang sering digunakan oleh pelukis. Penghasilan imej pada plat batu mahupun plat logam lain dibuat dengan secara spontan samada dengan cara sapuan berus, penggunaan pensel litografi ataupun konte crayon. Kesemua alat pelukisan pada plat tersebut memang amat serupa dengan peralatan dan bahan yang sering digunakan pelukis. Ini menyebabkan ramai pelukis yang tertarik dan selesa untuk menghasilkan imej pada plet litografi. Proses-proses teknikal selepas penghasilan imej atas plet itu sahaja yang rumit dan menyebabkan tidak ramai pencetak ingin menceburi atau berpeluang menceburi cetakan medium litografi ini. Usaha menghidupkan semula serta mempopularkan cetakan litografi dilakukan pada tahun 60an melalui Tamarind Lithography Workshop di Los Angeles Amerika Syarikat.

Paul Schumann lewat karya beliau *Drawing vs Painting* benar-benar melihat dan meneliti kemungkinan-kemungkinan medium litografi yang boleh memindahkan lukisan dan lakaran dan tidak sedikit pun kurangnya kebolehan medium ini menghasilkan visual yang menyerupai catan. Manee Meemak seorang lagi pengkarya yang menggunakan medium litografi, memilih penggunaan warna yang suram dengan sekali sekala diberi percikan cahaya pada karya beliau yang bertajuk *Firefly*. Mathew J. Egan pula menggunakan medium offset litografi dalam menghasilkan karya yang bertajuk *The Draped Divide*. Litografi menggunakan plat aluminium menjadi medium pilihan oleh Naomi Hashimoto dalam karya beliau *Profound*. Tongchai Yukantapornpong dari Thailand pula bermain dengan garis-garis berwarna dalam karya litografi beliau bertajuk *On the Edge*.

Saring sutera dan serigrafi melonjak ke dalam arena seni halus bila dipelopori antaranya oleh pelukis pop Andy Warhol. Satu lagi medium cetak yang sangat fleksibel, boleh dicetak pada semua jenis permukaan dengan pilihan pelbagai jenis dakwat. Beberapa pelukis dalam pameran ini memperagakan karya mereka yang dihasilkan dengan medium serba boleh ini. Jamil Mohd. Isa memperagakan karya saring sutera beliau *Pisang Emas Dibawa Belayar*. Said Aniff

Hossanee membawa semangat Afrika dalam karya stensil beliau, *Orange Safari*. Artis dari portfolio antarabangsa Emission, Myrtle Clark Bremer dan Melissa Gill masing-masing menghadirkan karya serigrafi mereka bertajuk *Canes Venatici* dan *Interchange*.

Cetakan monotaip dan monoprint dihasilkan oleh banyak pelukis atas sebab-sebab yang berlainan. Cetakan monotaip sebenarnya berbeza dengan monoprint. Cetakan monoprint punyai plat yang terukir yang boleh diulang kesan yang sama berkali-kali manakala monotaip hanya boleh menghasilkan satu keping karya tanpa edisi. Ada pelukis yang inginkan kebebasan dan inginkan kesan yang khusus akan menggunakan salah satu atau kedua-dua teknik dalam satu karya mereka. Malah tidak kurang pulung yang menggabungkan kedua-dua teknik ini dengan lain-lain teknik yang telah dibincangna terlebih dahulu. Karya Todd Christensen, *Detached and Uncaring*, menggabungkan pelbagai teknik termasuk cetakan cop getah. Mary Robinson melalui karya beliau *Portal variation I-XXVI* menggabungkan pelbagai teknik di samping monotaip dan monoprint. Lain-lain seniman yang menghasilkan cetakan monotaip dan monoprint termasuklah Mohamad Rojana, Satawat Chuaynum dan Kamol Kongthang.

Teknologi komputer dan digital menjadikan keresahan bagi berbagai pihak dalam arena seni cetak. Satu pihak begitu resah dan tidak sanggup menjauhkan diri dari arus gelombang yang melanda langsung mengambil dan menggunakannya sebagai satu cara penguapan baru dalam karya cetakan mereka. Cetakan digital, inkjet, giclee dan pelbagai lagi telah dan sedang memasuki arena seni cetak. Benjamin Vasserman yang begitu kental dengan karya-karya etching gaya tradisionalnya kini beralih memanfaatkan teknologi baru. Karya digital beliau berjudul *Diagnosis VI* bersama kita dalam pameran kali ini. Steve Lovett yang memang terpukau dengan teknologi bukan sahaja menghasilkan karya dengan menggunakan cetakan digital, malah hal benda yang digarap juga merupakan pola-pola yang terpamer pada permukaan skrin dan video. Ini dapat dilihat melalui karya beliau, *Down and Up*. Lain-lain pelukis yang tangkas menggunakan medium baru ini termasuklah Kathryn Reeves.

Begitu juga dengan karya xerography Chong Hip Seng. Hip Seng gemar membuat lapisan pada permukaan karyanya. Karya-karya figura dan landskap beliau sering berlatarkan taip dan teks dari akhbar, malah dari buku panduan telefon. Untuk mendapatkan

kesan ini beliau membuat cetakan berganda dengan melalukan bahantaranya berulang kali kedalam mesin fotokopi, yang beliau samakan dengan percetakan plat berganda (multiple plates printing). Dalam menghasilkan siri karya ini, Chong Hip Seng tidak pernah memikirkan dan memperdulikan ke dalam kategori manakah karyanya akan diletakan, samada sebagai lukisan atau pun cetakan. Apa yang lebih penting kepada beliau ialah kesan akhir yang hanya terserlah dengan proses yang dipilih itu.

Seni cetak sangat berkait rapat dengan penggunaan kertas. Seniman cetak begitu teliti dalam pemilihan kertas yang digunakan. Semua sifat kertas diambil kira, dari ciri-ciri fizikalnya hinggalah kandungan kimia kertas diselidiki agar cetakan yang dihasilkan bukan sahaja cantik untuk pandangan mata malah hayatnya juga dapat dijaga. Ciri-ciri keasidan kertas sangat dititik beratkan supaya kertas yang digunakan itu akan bersifat tahan lama (archival). Dalam keadaan begini ada di antara seniman yang telah memberi penumpuan yang lebih kepada kertas itu sendiri berbanding proses cetakan. Dr. Chew Teng Beng merupakan salah seorang daripada seniman dalam pameran ini yang telah mengkaji dan memberi penumpuan kepada jasad kertas itu sendiri dalam menghasilkan karya seni beliau. Karya-karya kertas buatan tangan beliau berada di satu dimensi yang unik. Ianya di antara karya dua dimensi dengan karya dua dimensi. Dalam pameran ini dua karya beliau dari siri TBCGMP diperagakan. Manakala Dr. Mohamed Najib pula bermain dengan gabungan kertas yang diperbuat dari batang pisang dengan kain yang bercetak. Karya Dr. Mohamed Najib menggabungkan unsur-unsur dan motif tradisional dengan kertas buatan tangan.

Beberapa karya mungkin dianggap janggal berada dalam pameran seni cetak ini. Mungkin mendatangkan tanda tanya kepada sebahagian penonton nanti. Sebenarnya sengaja pemilihan dibuat bagi membolehkan terujudnya satu wacana tentang apakah sebenarnya batasan atau sempadan yang memisahkan satu karya itu sebagai karya cetak atau bukan.

Sebagai seorang pengarca Tengku Azahari ada kalanya berusaha menghasilkan karya-karya yang boleh diperbanyakkan dengan penggunaan acuan. Proses penduan ini sebenarnya menghasilkan satu edisi. Satu proses yang tiada bezanya dengan penghasilan karya seni cetak. Satu karya yang diperbanyakkan dan menghasilkan edisi yang kesemuanya adalah karya asli. Mohamad Khizal Saat menggu-

nakan teknik cetakan yang pelbagai dan karya beliau dipersembahkan dalam bentuk instalasi.

Kemungkinan-kemungkinan kelainan dalam persembahan seni cetak menjadi semakin luas. Mungkin untuk pameran mendatang sempadannya menjadi lebih kabur dan tipis sehingga memungkinkan segala.

A.Rahman Mohamed
Kurator Jemputan

Crossing Borders: The Penang International Print Exhibition.

Translated from the Malay by Dr. Zakaria Ali

Print is the most versatile of the visual mediums. Because of its multiple editions, a print can be shown at different locations simultaneously. It is easily transportable, a vehicle to establish communications worldwide.

Print helped the masses to communicate. The invention of paper in the 6th century in China spreading to Europe in the 15th century revolutionized the art of printmaking. Printed material could then be distributed everywhere.

This show gathers fifty-nine international artists who produced ninety works, all of which, overtly or otherwise, touched upon the theme of "Border Crossings". In a sense, these artworks have literally transcended geographical boundaries. Works from overseas reached Penang through the mail or courier services: crossing borders. Local works crossed the Thai border to the Hatyai Art Gallery, Thailand, made a U-turn and re-entered Penang..

11.

Technological advances inspire the printmakers to try out new things, new ideas, and new materials. Traditionally printmakers produced woodcuts, lithography, letterpress, and etchings. One of the early advances of printmaking is the silk screen. Silkscreen is relatively so easy to do and cheap that the art world was initially reluctant to accept it as an art form in the same category as the woodcut or the etching. Lithography, on the other hand, was more readily accepted. After extensive debates, however, the making of silk-screens and lithographic prints gained entrance into the mainstream.

In the 1980s, the wave of computer and digital printing hit the shores of commercial printing. Now printmaking is no longer under the exclusive control of printmakers. Anyone with a printing

machine can print. Soon printmaking became commonplace, devoid of any mystery. Younger printmakers look at printmaking as a given. At first people thought that with digital technology the world would turn paperless. However, printmaking has become even more extensive with the aid of the computer.

Digital technology not only creates images but also has become the very medium itself; the means and the medium are one. The art community is still suspicious of the digitals. Entrenched practitioners of the traditional medium defend their territory from the assaults of the digits; others grudgingly accept them if they bend to suit traditional demands. Still others accept digits as an art form. Discussions persist on whether the digits are art.

The multiple techniques in printmaking have separated the printmakers according to mediums. Hence, numerous associations and societies have sprung up accepting members who practice one medium or another. The society of wood-printers caters only to the wood-printers. Exhibitions and competitions call for artworks of specific medium.

Other medium encourages multiplicity of techniques and mediums. Such works are difficult to categorize into the narrow confines of traditional printmaking. These cross borders need to be more exposed, as in this show.

111.

In this exhibition, the curator has widened the horizons, consistent with the vision of globalization. The opening up of borders to printmakers from twenty nations signals that the public is ready to accept their print-works as art. The multiplicity of hybrid prints delineates its own boundaries. As is often the practice, that when we discuss printmaking we touch on the technique, medium, and subject matter, which is what I shall do.

Endi Poskovic shows an exquisite handy work in his woodcuts. Using a low technology, he produces a stunning piece of work. Equally stunning is the work of Haruka Furusaka with his "Intuition". Fauzan Omar uses colored lino-print from the series "Unity in Diversity". Print relieves in numerous techniques have been produced by various artists. Depicting the mundane everyday life in "Wednesday's Face" Heli Kurunsaari also uses the relief woodcut with color.

Traditional techniques are still widely used in this exhibition. Etching still has its lure, as can be seen in the prints by Loo Foh Sang and Rita Marhaung. The difference between these two is that Loo Foh Sang in his "Sunset Series: Festival Dance" is absorbed in manipulating his plates with fine tonal lines rendered by tiny drops of aquatint. Rita Marhaung, on the other hand, uses photography and the computer to aid her with the plate put through the press in the traditional way. Sarah Edmonds uses multiple intaglios in her "Lucerna - The Beheading of St. Denis", that employs relief print, dry etching, and viscosity prints on hand-made paper. In "Emission" Bill Horsterman utilizes line etching, aquatint, and processing his plate in intaglio and relief. Emily Wilson with "Greed/Need", Cerese Cadent with "Western Pivot", Koichi Yamamoto with her "Site Untouched" takes advantage of the vast possibilities provided by etching. Other participants, too, see the advantages of etching, including Katarzyna Cepek, Lidija Antanasujevic, Oscar Jay Gillespie, Rahman Mohamed, Heather Muise, and Saeki Furukata. Enrique Leal in his "Enfoldment" manipulates the aquatint in such a way that his work seems to shine, as though emitting light.

Lithography attracts quite a number of printmakers who staunchly defend it as a traditional medium. The image on the stone or metal plate is drawn with brush strokes, litho pencil or konte crayon. Painters also use these drawing materials. It is not surprising, then, that many painters are keen to try their hands on lithography. The

Tamarind Lithography Workshop in Los Angeles revives the dying art of lithography in the 1960s.

Seeing the possibilities of lithography, Paul Schumann in his "Drawing vs. Painting" transfers his drawings and sketches that resemble an actual painting. Another lithographer Manee Meemak in her "Firefly" uses sober color with occasional sparkles. In "The Draped Divide" Mathew J. Egan takes advantage of the offset lithography. Naomi Hashimoto in her "Profound" makes use of aluminum plate. Thailand's Tongchai Yukantapornpong plays with colored lines in "Chaotic and Order".

Andy Warhol popularizes the silkscreen and serigraphy as mediums. Silkscreen is very flexible which means an image is readily be printed on whatever surfaces with whatever ink. Several artists in his exhibition use this medium, including Jamil Mohd. Isa in his "Pisang Emas Dibawa Belayar", Said Aniff Hossanee delivers the African spirit in his stencil-work "Orange Safari". Myrtle Clark Brenner and Melissa Gill present us with their serigraph works entitled "Canes Venatici" and "Interchange".

For different reasons many printmakers use the monotype and the mono print. With mono print, the plate can be reprinted; with monotype, only a single print. There are those who use both techniques in a single work. Still others have used these and other techniques. Todd Christensen in his "Detached and Uncaring" uses multiple techniques, including the rubber stamp. Besides using the monotype and the mono print, Mary Robinson in her "Portal Variation I-XXXVI" combines other means as well. Other monotype and mono print practitioners include Mohamad Rojana, Satawat Chuaynum and Kamol Kongthang.

There are those who are less than easy with the computer and the digits. Some follow the trends by adopting them, printing using inkjet, giclee. Benjamin Vasserman, a master etcher, moves on to using the new technology, as can be seen in his digital work

"Diagnosis VI", shown here. Steve Lovett is engrossed in the new technology, using the digital print, and the video, as can be seen in his "Down and Up". Likewise, Kathryn Reeves, too. In his xerography work, Chong Hip Seng adds layers to the print surface, which features figures and texts torn from the daily papers and telephone directory. By printing in multiples, Hip Seng produces a series of the same work, caring less whether it is a painting or a print. What is crucial to him is the process of making.

Linked to printmaking is the use of paper. Printmakers are most particular about the paper they use. The texture, the feel, the acid contents go into determining how the image looks and how long the paper will last. Some printmakers devote more time to checking on the quality of paper than to doing the actual printing. Dr. Chew Teng Beng is one participant who has done an extensive study on paper. His two-dimensional work, "TBCGMP" is made of handmade paper. Dr. Mohamad Najib plays around with handmade paper derived from banana trunks and cloth, printed with traditional motifs.

A few works may seem out of place, shown here to give an idea of what constitutes a print. Sculptor Tengku Azahari often produces pieces replicated in molds, whose numbers amount to an edition, no different from the run-of-the-mail print, each as original as the last. Mohamad Khizal uses multiple printings in his installation.

Printmaking permits a whole range of possibilities. In future exhibitions the blurred boundaries may render divisions pointless.

A. Rahman Mohamad, Guest Curator.